

﴿ KHUTBAH 6 ﴾

NIKMAT DISEBALIK PENSYARIATAN IBADAH ZAKAT

Dr. Mohd Kassim Tusin

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ
سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٣﴾ ،

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنْجِي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah....

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-

Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran [3] : 102)

Mimbar pada kali ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“NIKMAT DI SEBALIK PENSYARIATAN IBADAH ZAKAT”**.

Sidang Jumaat Yang Di Rahmati Allah.....

Zakat mula difardhukan pada tahun ke-2 Hijrah. Pensyariatan ini menjadikan zakat rukun Islam yang ke-4 selepas Mengucap dua Kalimah Syahadah, Solat 5 Waktu dan Puasa di Bulan Ramadan. Ini bererti hukum menunaikan semua jenis zakat yang telah sampai haul dan nisabnya adalah fardu ain dan telah disabitkan menerusi dalil-dalil al-Quran, hadis dan ijmak ulamak. Firman Allah s.w.t:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

(QS al-Baqarah [2] : 43)

Perintah menunaikan zakat seperti ini diulang melebihi 30 kali dalam al-Quran, menggambarkan betapa kedudukan zakat yang sangat penting dalam syariat Islam. Oleh itu seseorang yang sengaja menolak atau mengingkari kewajipan berzakat maka, akan dihukum terkeluar dari Islam.

Sidang Jumaat Yang Sama-Sama Berbahagia.....

Sesungguhnya harta merupakan ujian Allah kepada manusia sepanjang hidupnya. Manusia pula, semasa mendapat harta yang berlimpah, mempunyai karenah yang pelbagai, ada yang bersyukur dan ada pula yang tidak lulus dalam menghadapi ujian ini. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ



Maksudnya:

“Dan ketahuilah, bahawa harta-hartamu dan anak-anakmu itu hanya sebagai ujian dan sesungguhnya di sisi Allah pahala yang sangat besar.”

(QS al-Anfal [8] : 28)

Memandangkan betapa pentingnya ibadah zakat dalam syariat Islam, sudah pasti pensyariatannya diiringi dengan pelbagai nikmat dan ganjaran yang besar yang dijanjikan oleh Allah bagi mereka yang menunaikannya. Begitu juga sebaliknya, tersedia azab yang sangat pedih dan dahsyat akan ditimpakan kepada mereka yang mengingkari syariat tersebut.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah.....

Bagi mereka yang menunaikan zakat dengan penuh kesedaran dan keikhlasan, Allah telah menjanjikan beberapa nikmat sama ada semasa di dunia ini lagi mahu pun di akhirat kelak. Antara nikmat yang dijanjikan adalah;

Pertama: Berzakat dapat membersihkan diri serta harta dari dosa dan akhlak yang buruk yang akhirnya dapat pula memberi ketenteraman hati, iaitu satu perasaan dalaman yang damai serta diidam-idamkan oleh setiap insan. Dalam erti kata lain, harta yang dizakatkan itu akan memberi ketenangan dan keamanan bagi pemiliknya kerana tidak ada lagi yang perlu dirisaukan mengenai hartanya. Bahkan hartalah yang akan menjaga pemiliknya. Firman Allah s.w.t:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ

سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya :

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

(QS al-Taubah [9] : 103)

Nikmat yang kedua : Menunaikan zakat menjadi faktor penting bagi keberkatan harta. Soal keberkatan menjadi begitu kritikal bagi seorang muslim dalam tindak tanduk terhadap hartanya. Di antara ciri harta yang berkat itu adalah harta itu akan bertambah banyak iaitu dilihat dari segi manfaat yang dihasilkannya. Dengan menunaikan zakat kehidupan seseorang akan lebih berkat dengan erti

kata semakin dekat kepada Allah kerana sentiasa bersyukur atas kurniaanNya. Harta yang dikeluarkan zakatnya akan menghindarkan pemiliknya dari sikap rakus terhadap harta, bahkan selalu berusaha untuk memberikkan manfaat kepada orang lain. Rasulullah s.a.w menjamin dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ، وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا، وَمَا تَوَاضَعَ
أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ عِزًّا وَجَلًّا

Maksudnya:

“Harta tidak akan berkurang kerana sedekah, dan Allah tidak menambah bagi hamba yang pemaaf kecuali kemuliaan dan tidaklah seseorang yang berlaku tawadhuk kerana Allah melainkan Dia akan meninggikan kedudukannya.”

(HR Muslim)

Nikmat yang ketiga : memperoleh ganjaran pahala yang berlipat ganda sebagaimana digambarkan melalui firman Allah s.w.t dalam Surah al-Rum ayat 39;

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا آتَيْتُم مِّن رَّبًّا لِّيُرَبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرَبُّوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُم
مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ ﴿٣٩﴾

Maksudnya:

“Dan pemberian zakat (atau sedekah) yang kamu berikan kerana mengkehendaki keredhaan Allah maka mereka itulah orang-orang yang mendapat pahala berlipat ganda.”

(QS al-Rum [30] : 39)

Dalam ayat yang lain, ditegaskan bahawa berzakat akan diberi ganjaran pahala sebanyak 700 kali ganda untuk dinikmati di akhirat kelak. Dalam istilah ekonominya, zakat merupakan skim simpanan yang memberikan pulangan yang sangat lumayan di akhirat kelak iaitu sebanyak 700%. Kenyataan ini digambarkan di dalam surah al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ
سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ
عَلِيمٌ

Maksudnya:

“Bandingan (zakat/sedekah) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan 7 tangkai, tiap-tiap tangkai itu mengandungi 100 biji. Dan (ingatilah) Allah maha melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah maha luas (rahmat) kurniaNya.”

(QS al-Baqarah [2] : 261)

Nikmat yang keempat : Sentiasa didoakan kebaikan oleh Malaikat. Sabda Rasulullah s.a.w,

مَا مِنْ يَوْمٍ يُصْبِحُ الْعِبَادُ فِيهِ إِلَّا مَلَكَانِ يَنْزِلَانِ فَيَقُولُ أَحَدُهُمَا اللَّهُمَّ أَعْطِ
مُنْفِقًا خَلْفًا وَيَقُولُ الْآخَرُ اللَّهُمَّ أَعْطِ مُمْسِكًا تَلْفًا

Maksudnya:

“Setiap hari dua orang malaikat turun dari langit, seorang di antara mereka berkata, “Ya Allah! Gantikanlah bagi setiap orang yang pemurah kerana-Mu”. Dan yang lain berkata: “Ya Allah! Musnahkanlah harta setiap orang yang menahan-nahan (hartanya, tidak mahu berzakat).”

(HR al-Bukhari)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.